

# Kertas Konsep Pembangunan Indeks Hak Kebebasan Beragama di Malaysia

## Concept Paper on the Development of the Right to Religious Freedom Index in Malaysia

Ain Balkis Mohd Azam<sup>1</sup>, Kamal Azmi Abd Rahman<sup>2</sup> & Khadijah Muda<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Program Sarjana Sains Sosial, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>2,3</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

### Article progress

Received: 12 February 2023

Accepted: 12 May 2023

Published: 30 November 2023

\*Corresponding author:

Ain Balkis Mohd Azam,  
Program Sarjana Sains Sosial,  
Universiti Sains Islam  
Malaysia, 71800 Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia;  
Email: ainbalkis@gmail.com

**Abstrak:** Hak Kebebasan Beragama (HKB) di Malaysia merupakan antara isu penting yang sering menjadi perdebatan. HKB yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sejak awal lagi telah mempertahankan hak menganut dan mengamalkan agama masing-masing bagi setiap individu. Tambahan pula, perlembagaan juga mengakui keistimewaan bagi agama Islam serta hak kaum Melayu dan bumiputera. Oleh itu, hak keistimewaan ini seringkali menjadi polemik bukan sekadar dalam pengetahuan warganegara Malaysia bahkan turut mendapat perhatian antarabangsa. Hal ini juga menyebabkan pentafsiran HKB di Malaysia tidak selari dengan pemahaman HKB yang terkandung di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat atau Universal Declaration of Human Rights (UDHR 1948). Oleh yang demikian, terdapat banyak laporan antarabangsa yang mengkritik pengamalan HKB di Malaysia kerana menurut laporan tersebut, Malaysia telah mendiskriminasi warganya. Oleh itu, matlamat kertas konsep ini adalah untuk membentangkan idea awal tentang pembangunan indeks HKB bagi mengukur tahap hak kebebasan beragama di Malaysia. Penulisan ini menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis terhadap kajian-kajian lepas. Hasil analisis telah mendapati terdapat tiga tema utama perbincangan berkaitan dengan HKB iaitu tentang definisi hak kebebasan beragama, isu-isu hak kebebasan beragama di Malaysia dan kajian pengukuran pengamalan beragama. Oleh yang demikian, Malaysia memerlukan satu indeks watan yang boleh mengukur pengamalan HKB sesuai dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Indeks ini signifikan dalam membentangkan wajah sebenar pengamalan HKB di Malaysia sekaligus dapat memberikan jawapan balas atau membetulkan laporan antarabangsa yang telah membentangkan laporan negatif terhadap HKB di Malaysia.

**Kata kunci:** Hak kebebasan beragama, Perlembagaan Persekutuan, Malaysia, pembangunan indeks;

**Abstract:** The right of religious freedom (HKB) in Malaysia is one of the important issues that are frequently debated. This right, enshrined in the Federal Constitution of Malaysia from the beginning, protects every individual's right to profess and practice their respective religions. Moreover, the constitution also acknowledges the privilege of Islam and the rights of the Malays and Bumiputera. Thus, this privilege has been the subject of controversy, not only among Malaysian citizens but also internationally. The interpretation of the right to freedom of religion in Malaysia does not align with the definition outlined in the Universal

Declaration of Human Rights 1948, resulting in international criticism of Malaysia's discrimination of its citizens. To address this issue, this concept paper aims to discuss the preliminary idea on the development of HKB index in Malaysia. Previous research has identified limitations to the practice of religious freedom for both Muslims and non-Muslims. Literature review has been conducted in this paper by analysing past studies. The analysis has revealed three primary topics of discussion regarding religious freedom. These topics include defining the right to religious freedom, examining the issues surrounding the right to religious freedom in Malaysia, and exploring methods of measuring religious practice. Thus, it is essential for Malaysia to have an index that can evaluate the implementation of religious freedom rights in compliance with the provisions stated in the Federal Constitution. A religious freedom index is crucial in presenting an accurate picture of the practice of HKB in Malaysia and responding to negative international reports.

**Keywords:** Religious freedom right, Federal Constitution, Malaysia, Index development;

## Pengenalan

Isu Hak Kebebasan Beragama (HKB) merupakan sebahagian daripada isu Hak Asasi Manusia (HAM). HKB telah sekian lama diiktiraf di Malaysia dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun pentafsiran HKB yang terdapat dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 (UDHR 1948) tidak sama dengan takrifan HKB yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan. Oleh itu, Islam diletakkan sebagai satu kayu ukur dalam menentukan had HKB di Malaysia terutamanya hak-hak yang terkait dengan Islam dan Muslim.

Sementelahan pula, HKB di dalam UDHR 1948 ditafsirkan secara multak dan berbentuk sekular (Helwa & Jasri 2013; Faridah & Rohizan 2014) seperti yang diperjuangkan oleh masyarakat Barat berkenaan hak kebebasan dan kesamarataan dari segenap aspek kehidupan manusia. Hal ini bertentangan dengan hak kebebasan beragama yang dianjurkan oleh Islam. Islam menjamin HKB bagi setiap individu namun tidak bersifat mutlak kerana terdapat batasan dalam kebebasan seseorang. Tambahan pula, HKB yang terkandung dalam UDHR 1948 memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk mempunyai kepercayaan terhadap Tuhan atau tidak (atiestik atau agnostik). Hal ini bukan sahaja bertentangan dengan Islam akan tetapi juga dengan Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan.

Perbezaan antara pentafsiran dan pengamalan HKB di Malaysia dengan HKB yang terkandung dalam UDHR 1948 menyebabkan pihak antarabangsa melaporkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan

diskriminasi agama dan tidak memberikan jaminan HKB kepada warganya. Ini disebabkan oleh rujukan bagi HKB di peringkat antarabangsa adalah seperti yang terkandung dalam Artikel 18 UDHR (Green & Toft, 2018; Dian & Mohd Azizuddin, 2011).

Isu yang sering menjadi perhatian di Malaysia dan seringkali menimbulkan kontroversi berkaitan HKB adalah isu keluar Islam atau murtad (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri, 2016) dan hak kebebasan untuk mepercayai dan mengamalkan ajaran yang telah difatwakan sesat. Antara kes terbaru berkaitan dengan isu murtad telah dilaporkan pada Julai 2022; terdapat seorang wanita Islam yang mendakwa tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dibenarkan oleh ibunya untuk memilih agama namun akhirnya permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah (Norafiza Jaafar, 2022). Selain itu, terdapat juga isu muallaf yang ingin keluar Islam selepas berlaku perceraian dengan pasangan yang beragama Islam (Ahmad Johari, 2022). Isu fahaman Syiah juga menjadi hangat apabila difatwakan sesat kerana bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Hidayatul Akmal, 2018). Rentetan daripada peristiwa dan isu tersebut menyebabkan *Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO)* atau Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia menuntut pentafsiran HKB yang universal sebagaimana yang diamalkan di peringkat antarabangsa. Namun begitu, menurut Fox (2015) standard yang terdapat dalam UDHR 1948 tersebut tidak sepenuhnya diamalkan dalam kebanyakan negara di dunia.

## Perbandingan Umum Tentang Prespektif Hak Kebebasan Beragama

Idea tentang hak kebebasan beragama secara umumnya berpandukan UDHR 1948. Deklarasi ini telah dicapai pada 10 Disember 1948 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah mengisytiharkan UDHR 1948 sebagai standard pencapaian bersama untuk semua orang dan negara. Matlamatnya adalah untuk setiap individu dan institusi masyarakat mengingati deklarasi ini dan menggalakkan penghormatan terhadap hak dan kebebasan melalui pendidikan dan pengajaran. Di samping itu, kedua-dua langkah kebangsaan dan antarabangsa perlu diambil untuk memastikan hak-hak ini diiktiraf dan dipatuhi secara universal dalam kalangan rakyat negara anggota dan di wilayah di bawah bidang kuasa mereka (United Nations, 1948). Jaminan terhadap HKB boleh dilihat pada Artikel 18, UDHR 1948 yang telah menyatakan bahawa “setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, kata hati dan agama; hak ini termasuklah kebebasan menukar agama atau kepercayaan, dan kebebasan, sama ada secara bersendirian atau bersama orang lain, dan secara terbuka atau bersendirian, menyatakan agama atau kepercayaan melalui pengajaran, amalan, penyembahan dan ketaatan” (United Nations, n.d.).

Barat cenderung menjadikan UDHR 1948 ini sebagai kayu ukur bagi menentukan sejauh mana sesebuah negara menegakkan HKB bagi setiap warganegara masing-masing sekaligus dilihat sebagai mempertahankan hak asasi manusia. Walaupun begitu, menurut Fox, (2015), hakikatnya tiada pentakrifan yang tetap bagi kebebasan beragama dalam kebanyakan teks undang-undang dan perlembagaan negara. Hal ini jugalah yang berlaku dalam konteks pengamalan HKB di Malaysia yang mana seringkali diukur oleh laporan antarabangsa sedangkan apa yang diamalkan adalah berdasarkan kepada perlembagaan yang menjadi kontrak sosial bagi semua warganegara Malaysia.

Contohnya, *United States Commission of International Religious Freedom* (USCIRF) dari 2017 hingga 2022 telah melaporkan tentang isu-isu kebebasan beragama di Malaysia iaitu tentang kewajipan masyarakat Islam Sunni dalam mematuhi pemahaman Islam yang telah diwartakan oleh negara, ruang kebebasan yang terhad untuk mempraktikkan kepercayaan mengikut kesedaran masing-masing, larangan kumpulan agama minoriti yang dianggap menyimpang seperti Syiah, Ahmadiyah, Bahai dan Al-Arqam, penetapan agama Islam bagi bangsa Melayu, keterbukaan yang diberikan kepada orang bukan Islam untuk memeluk Islam tetapi sebaliknya bagi umat Islam yang ingin keluar Islam (murtad), kekaburan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah

dalam penghakiman isu HKB terutamanya isu murtad, dan juga peranan parti politik yang mengawal agama untuk mendapatkan sokongan masyarakat Melayu Islam (USCRIF, n.d.). Oleh itu, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang tidak menepati piawai kebebasan beragama sejagat yang terkandung di dalam UDHR 1948.

Dalam konteks Malaysia, HKB telah dijamin bagi setiap individu seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Jaminan terhadap HKB ini hendaklah dibaca bersama dengan kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan walaupun menurut Wan Norhasniah & Haslina Ibrahim (2016), Perlembagaan Persekutuan tidak pernah ditetapkan sebagai dokumen patuh Syariah sepenuhnya. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menerangkan bahawa Islam sebagai agama persekutuan namun agama lain boleh dilaksanakan secara aman. Selain itu, Perkara 11(1) pula menjelaskan setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama, dan mengembangkannya namun tertakluk kepada Fasal (4) yang menyatakan undang-undang Negeri dengan undang-undang Wilayah dan undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan kepercayaan agama dalam kalangan penganut agama Islam. Tambahan pula, Fasal (3) menjelaskan setiap kumpulan agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau hairat, dan memperoleh, mempunyai harta, memegang serta mentadbirkannya mengikut undang-undang. Hak kebebasan beragama dalam Islam ini sering merujuk kepada Piagam Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW.

Dalam hal ini, Islam menjaga hak kebebasan beragama bagi individu. Namun, tidak bermakna Islam mengiktiraf agama-agama lain sebagai benar. Di dalam surah al-Baqarah ayat 256 dan al-Kafirun ayat 6, Allah SWT menyebut berkenaan tiada paksaan dalam agama dan setiap individu bebas mengamalkan agama pilihannya (Wan Norhasniah & Haslina, 2016). Seorang mukallaf diberi kebebasan untuk memilih, melakukan atau meninggalkan sesuatu. Ulama' berpendapat jika sesuatu perkara itu tidak dinayatakan hukum ia dikategorikan sebagai “*ibāḥah*” yang bermaksud kebebasan (Abdul Monir Yaacob, 2012). Islam mengiktiraf hak kebebasan beragama seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Hak kebebasan beragama juga telah termaktub dalam Piagam Madinah yang mana penganut bukan Islam tidak dipaksa memeluk Islam dan bebas mengamalkan agama masing-masing.

**Jadual 1.** Analisis perbandingan HKB berdasarkan perspektif UDHR 1948 (Barat), Islam dan Malaysia (Perlembagaan Persekutuan)

Perspektif/ Analisis Perbandingan	UDHR 1948 (Barat)	Islam	Malaysia (Perlembagaan Persekutuan)
Persamaan	Setiap individu mempunyai kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing. Setiap individu tidak boleh dipaksa menganut agama yang tidak diinginkannya. Setiap orang boleh menyatakan agama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, penyembahan dan ketaatan.		
Perbezaan	Setiap individu mempunyai kebebasan menukar agama dan kepercayaan sama ada secara sendiri atau dengan orang lain, dan secara terbuka atau tertutup.	Umat Islam dilarang untuk keluar Islam (murtad) setelah memeluk Islam. Namun terdapat beberapa pendapat tentang kaedah penghakiman ke atas individu murtad.	Setiap individu berhak menganuti dan mengamalkan agamanya. Namun mengembang kepada penganut agama Islam tertakluk kepada undang-undang negeri.
			Tiada individu yang boleh dipaksa membayar cukai untuk kegunaan agama selain agamanya.
			Setiap kumpulan agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuhkan dan menyenggarakan pertubuhan agama, dan

			memperoleh, memegang serta mentadbirnya mengikut undang-undang.
--	--	--	---

Sepertimana yang terdapat dalam Jadual 1, terdapat beberapa persamaan antara hak kebebasan beragama antara UDHR 1948, Islam dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu setiap individu mempunyai kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing, setiap individu tidak boleh dipaksa menganut agama yang tidak diinginkannya, dan setiap orang boleh menyatakan agama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, penyembahan dan ketaatan. Manakala dari segi pentafsiran HKB, terdapat perbezaan antara ketiga-tiga perspektif HKB iaitu; di dalam UDHR 1948 setiap individu mempunyai kebebasan untuk mempunyai kepercayaan atau tidak, dan bebas untuk keluar dari agama. Menurut perspektif Islam pula, individu yang beragama Islam dilarang untuk keluar dari Islam dan perbuatan tersebut dianggap dosa besar walaupun terdapat beberapa pendapat berbeza tentang cara penghakiman terhadap individu murtad. Manakala di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, setiap individu yang berbangsa Melayu dikenalpasti sebagai Muslim, penganut bukan Islam dilarang menyebarkan agama kepada umat Islam, dan umat Islam juga dilarang untuk keluar Islam. Namun, penghakiman terhadap individu murtad ini terletak kepada kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Negeri. Oleh yang demikian, kajian mendapati terdapat persamaan antara pentafsiran HKB Malaysia menerusi Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan Islam. Justeru, HKB yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia selari dengan HKB yang dianjurkan Islam.

Abdul Monir (2016) menyatakan kandungan UDHR 1948 boleh dijadikan panduan dalam membuat undang-undang dalam sesebuah negara. Namun deklarasi ini tidak mempunyai kuasa untuk memaksa negara-negara untuk menguatkuasakannya kerana UDHR merupakan satu pengisytiharan yang tidak mandatori. Setiap negara mempunyai undang-undang tersendiri dalam melaksanakan dan mempertahankan hak kebebasan beragama bagi setiap individu untuk mengelakkan konflik dan mewujudkan keharmonian. Maka, dalam konteks Malaysia juga, HKB telah difahami berdasarkan kepada apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbeza dengan UDHR 1948. Hal ini seharusnya dihormati dan tidak wajar dihukum sebagai satu bentuk pelanggaran terhadap hak asasi manusia atau dilaporkan secara negatif.

## Sorotan Literatur

### *Definisi Hak Kebebasan Beragama*

Secara amnya penyelidikan tentang Hak Kebebasan Beragama (HKB) sering merujuk kepada UDHR 1948. Green & Toft (2018) dalam *Freedom of Religion or Belief Across the Commonwealth: Hard Cases, Diverse Approaches*, menyatakan bahawa artikel 18 UDHR merupakan rujukan utama dalam mentafsirkan HKB di peringkat antarabangsa. Dian & Mohd Azizuddin (2011) di dalam *Freedom of Religion in Malaysia: A Tangled Web of Legal, Political and Social Issues*, juga berpendapat walaupun UDHR yang dibina berdasarkan kepada kerangka sekularisme dan bersifat universal, namun mempunyai autoriti moral dalam kehidupan manusia serta boleh dijadikan *check and balance* kepada dasar-dasar negara. Kebebasan beragama adalah penting untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan antara agama dan merupakan hak asasi setiap manusia. Soetjipto (2015) dalam karyanya bertajuk *Hak Asasi Manusia dan Politik Internasional*, menyebut bahawa dalam konteks hak asasi manusia, negara merupakan entiti utama yang bertanggungjawab melindungi, menegakkan dan memajukan hak asasi manusia. Individu juga mempunyai kewajipan untuk tidak mengganggu hak asasi individu lain. *The First Amendment* di dalam Perlembagaan Amerika Syarikat menyebut setiap orang di Amerika Syarikat mempunyai hak untuk mengamalkan agama masing-masing atau tidak mengamalkan mana-mana agama. Jadi mereka telah memisahkan kerajaan dengan agama sebagai langkah untuk melindungi hak kebebasan beragama.

Namun Mohd Azizuddin (2020) dalam bukunya *Islam and Religious Expression in Malaysia*, menyatakan konsep kebebasan beragama di Malaysia agak berlainan dengan apa yang diamalkan di Barat. Perkara 3(1) di dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan". Manakala Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 (1) menyatakan: "Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasa (4)". Fasal (4) pula menyatakan "Undang-undang Negeri dan undang-undang Persekutuan (bagi wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan dalam kalangan orang yang menganuti Islam". Abdul Monir (2012) dalam bukunya *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan*, menyebut perkataan 'kebebasan' memberi erti *hurriyyah* atau *freedom*. Kebebasan yang terdapat dalam kebanyakan perlembagaan negara termasuk

kebebasan diri, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak termasuklah kebebasan beragama. Oleh itu dapat dilihat bahawa HKB di Malaysia mempunyai beberapa limitasi yang perlu dipatuhi sesuai dengan tradisi dan konteks masyarakat Malaysia yang majoritinya beragama Islam.

### *Isu-isu Hak Kebebasan Beragama di Malaysia*

Terdapat banyak kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan dengan isu-isu HKB di Malaysia. Antaranya ialah Mohamed Azam (2003) dalam tulisannya *Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam*, membincangkan tentang undang-undang bagi setiap negeri tidak selari dan tidak semua negeri di Malaysia mempunyai peruntukan mengenai isu keluar Islam. Helwa & Jasri (2013) dalam artikel *The Legal Position of Apostasy and Spreading Non-Islamic Teachings in Malaysia: Analysis and Challenges*, pula berpendapat isu-isu keluar Islam atau yang berkaitan hak kebebasan beragama yang diputuskan di mahkamah adalah tidak selari antara satu sama lain. Menurut laporan pada tahun 2019 bertajuk *Challenges to Freedom of Religion or Belief in Malaysia a Briefing Paper*, menyatakan bahawa ketiadaan toleransi antara agama merupakan antara kebimbangan di Malaysia apabila terdapat gangguan terhadap golongan penganut agama minoriti dan percanggahan kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Selain itu, kajian oleh Dian & Mohd Azizuddin (2011) yang bertajuk *Freedom of Religion in Malaysia: A Tangled Web of Legal, Political, and Social Issues*, menjelaskan tentang kepentingan ungkapan keagamaan sentiasa dipantau oleh kerajaan demi menjaga keharmonian kaum dalam masyarakat berbilang kaum dan budaya di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian tentang kefahaman HKB di Malaysia yang telah dibuat sebelum ini. Faisal Ahmad Shah (2015) di dalam kajiannya yang bertajuk *Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat Wilayah Persekutuan tentang kebebasan beragama adalah rendah dan boleh menimbulkan kekeliruan. Manakala dalam artikel Nazneen Ismail et al. (2017) yang bertajuk *Kefahaman Belia Muslim Terhadap Konsep Kebebasan Beragama dengan Isu Keluar Agama Dalam Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Selangor*, mendapati terdapat perkaitan yang signifikan dan positif antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama dalam Islam. Kajian beliau mendapati kefahaman belia Muslim tentang konsep kebebasan beragama adalah tinggi dengan skor min bernilai 4.33. Kefahaman mereka tentang isu keluar agama juga tinggi dengan skor

min bernilai 3.86. Seterusnya, hasil analisis Spearman menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan ( $p < .05$ ) antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama menurut Islam. Kamal Azmi & Norsaleha (2018) melalui kajian bertajuk *Kefahaman Mahasiswa Muslim Lembah Klang Tentang Konsep Hak Kebebasan Beragama di Malaysia*, pula telah mendapati tahap kefahaman mahasiswa Islam di Lembah Klang tentang HKB adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 3.94. Kajian oleh Nur Afifah & Ahmad Munawar (2018) dalam *Persepsi Mengenai Hak Kebebasan Beragama dalam Kalangan Penuntut Universiti Awam di Malaysia*, juga menunjukkan persepsi mahasiswa dalam kalangan penuntut awam di Malaysia terhadap hak kebebasan beragama berada di tahap yang tinggi dengan skor min 3.67.

### *Kajian Pengukuran Pengamalan Beragama*

Tulisan bertajuk “*Religious Freedom Index: American Perspectives on the First Amendment*” yang disunting oleh Alvarado et al. (2021) memaparkan indeks kebebasan beragama yang telah dibangunkan oleh Amerika Syarikat untuk memberi gambaran perubahan sikap rakyat Amerika tentang amalan kebebasan beragama. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti sikap rakyat Amerika berkenaan kebebasan dan toleransi dalam beragama. Tinjauan telah dilakukan ke atas 1000 orang responden dalam kalangan warga negara Amerika yang berumur 18 tahun ke atas. Terdapat enam indikator yang diukur iaitu; 1. Pluralisme Keagamaan, 2. Agama dan Polisi, 3. Perkongsian Keagamaan, 4. Agama dalam Masyarakat, 5. Gereja dan Kerajaan, dan 6. Agama dalam Pengamalan. Seterusnya, terdapat tiga dapatan hasil utama dalam pembangunan indeks tersebut iaitu; 1. Rakyat Amerika meraikan kepelbagaian kepercayaan dan pengamalan agama, 2. Ruang diberi kepada rakyat untuk mempelajari tentang hak sivil dalam perlembagaan melalui pendidikan sivil, 3. Wujud persetujuan dalam melindungi golongan minoriti kerana rakyat Amerika sangat melindungi kumpulan agama minoriti.

Terdapat juga kajian yang telah dilakukan berkaitan pengamalan pelbagai agama di Malaysia. Antaranya ialah kajian Muhammad Ridhuan Tony Lim et al. (2016) bertajuk *Socio-Religious Harmony Index Instrument Indicators for Malaysia*, yang membincangkan status keharmonian sosio-agama di Malaysia dalam kalangan penganut pelbagai agama. Pembinaan indeks tersebut adalah untuk mengukur tahap keharmonian sosio-keagamaan di Malaysia. Kajian tersebut dijalankan menggunakan metode *Fuzzy Delphi* (FDM). Berdasarkan kesepakatan pakar, saling menghormati menjadi prinsip utama dalam mengekalkan keharmonian agama di Malaysia. Indikator penting yang lain juga

termasuklah hak dan kebebasan, keadilan dan perpaduan masyarakat.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Berdasarkan kajian literatur yang dilakukan, kajian mendapati terdapat tiga tema utama kajian lepas tentang HKB iaitu definisi hak kebebasan beragama, isu-isu hak kebebasan beragama di Malaysia, dan kajian pengukuran pengamalan beragama. Dari segi konsep dan pemahaman HKB, terdapat perbezaan yang mendasar antara definisi HKB yang digunakan oleh Barat dengan pentafsiran HKB di Malaysia yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Walaupun HKB di Malaysia dijamin bagi setiap warganya namun terdapat beberapa perkara yang dihadkan bagi umat Islam dan juga penganut bukan Islam.

Kajian lepas mengenai isu-isu HKB di Malaysia adalah berkaitan dengan pelbagai hal terutamanya isu keluar Islam (murtad) di mana terdapat percanggahan dalam penghakiman bagi isu murtad ini sama ada di peringkat Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Kajian yang dijalankan untuk menilai kefahaman sebahagian rakyat Malaysia tentang HKB menunjukkan kefahaman sebahagian rakyat Malaysia dengan fokus demografi tertentu seperti golongan mahasiswa dan kawasan sekitar Lembah Klang. Namun kajian lanjut perlu dilakukan untuk menilai tahap kefahaman masyarakat Malaysia berkenaan HKB dalam skala yang boleh mewakili populasi dari segi bilangan, latar belakang dan tempat.

Walaupun terdapat indeks keharmonian sosio-keagamaan Malaysia yang pernah dibangunkan, indeks HKB amat diperlukan kerana terdapat domain, indikator dan sub-indikator lain yang perlu dimasukkan dalam pembangunan indeks HKB berpandukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pengkaji melihat, kaedah penyelidikan menggunakan metode *Fuzzy Delphi* (FDM) yang digunakan dalam *Socio-Religious Harmony Indeks* oleh Muhammad Ridhuan Tony Lim et al. (2016) boleh dimanfaatkan dalam pembangunan Indeks HKB di Malaysia ini. FDM memerlukan perbincangan dan kesepakatan pakar untuk membina domain, indikator dan sub-indikator dalam indeks yang akan dibina. FDM juga termasuk dalam fasa *Design and Developmental Research* (DDR) yang diperkenalkan oleh Richey & Klein (2007). Dalam kaedah FDM ini, beberapa pakar yang berkaitan dengan konteks kajian akan dipilih dan melakukan perbincangan dalam sesi bengkel. Domain dan indikator yang dicadangkan akan disusun mengikut keutamaan dan akhirnya akan diundi oleh kumpulan pakar tersebut.

Kajian literatur juga telah mendapati bahawa negara maju seperti Amerika Syarikat membangunkan indeks kebebasan beragama sendiri bagi mengukur HKB di negaranya. Indeks ini menggambarkan pandangan dan kefahaman rakyat Amerika Syarikat berkenaan HKB yang sepatutnya diamalkan di negara mereka. Oleh itu, Malaysia juga wajar mempunyai indeks HKB negara yang dibangunkan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana Malaysia juga adalah sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai sejarah dan sosiologi masyarakat yang tersendiri. Indeks HKB bukan sekadar mengukur dengan lebih tepat tentang HKB di Malaysia bahkan ia juga sebagai data empirikal penting untuk menjawab atau memperbetulkan laporan antarabangsa terhadap pengamalan HKB di Malaysia.

## Kesimpulan

Secara kesimpulan, kertas konsep ini telah membincangkan tentang pembangunan indeks HKB di Malaysia. Dari segi definisi dan konsep, terdapat perbezaan pentafsiran HKB antara perspektif UDHR 1948, Islam dan Perlembagaan Persekutuan. Kajian-kajian terdahulu turut sama menjelaskan tentang perbezaan pentafsiran HKB di Malaysia dengan pentafsiran HKB oleh UDHR 1948 tersebut. Selain itu, kajian lepas tentang HKB turut membincangkan tentang isu-isu HKB di Malaysia serta beberapa kajian tentang pengukuran atau indeks pengamalan beragama. Oleh itu, terdapat keperluan kepada pembangunan indeks HKB di Malaysia berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Manakala HKB yang terkait dengan Islam juga hendaklah diteliti mengikut undang-undang syariah negeri. Oleh itu, pembangunan indeks HKB perlu mengambil kira aspek sosiologi tempatan dan bukannya dinilai berdasarkan indeks HKB yang dibangunkan di luar konteks sesebuah negara. Penggunaan alat ukur HKB UDHR 1948 kepada Malaysia adalah tidak tepat kerana penggubalannya berdasarkan kepada konteks kehidupan masyarakat Barat. Oleh yang demikian, Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan mempunyai perlembagaannya yang unik seharusnya mempunyai indeks pengukuran amalan HKB tersendiri.

## Rujukan

Abdul Monir Yaacob. (2012). *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan* (1st ed.). Techknowlogic Trading Sdn Bhd.

Ahmad Johari Mohd Ali. (2022, July). *Mahkamah Sivil Tiada Bidang Kuasa Semak Isu Murtad*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/07/975687/mahkamah-sivil-tiada-bidang-kuasa-semak-isu-murtad>

Alvarado, M., Goodrich, L., Geary, K., Lyman, C., & Colby, R. (n.d.). *2021 Religious Freedom Index*. [www.becketlaw.org](http://www.becketlaw.org)

Mohd Azizuddin Mohd Sani (2020). *Islam and Religious Expression in Malaysia*. ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789814881364>

International Commission of Jurist. (2019). *Challenges to Freedom of Religion or Belief in Malaysia a Briefing Paper*. International Commission of Jurist.

Green, M. C., & Toft, M. D. (2018). Freedom of religion or belief across the Commonwealth: Hard cases, diverse approaches. *Review of Faith and International Affairs*, 16(4), 19–33. <https://doi.org/10.1080/15570274.2018.1535043>

Dian Abdul Hamed Shah, & Mohd Azizuddin Sani Mohd. (2011). Freedom of religion in Malaysia: A tangled web of legal, political, and social issues. *North Carolina Journal of International Law and Commercial Regulation*, 36(3), 647–688. <http://scholarship.law.unc.edu/ncilj/vol36/iss3/5>

Faisal Ahmad Shah. (2015). Kebebasan beragama: Analisis tahap kefahaman masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam Akademi Islam KUIS*, 8(1), 76–98.

Faridah Jalil, & Rohizan Abdul Halim. (2014). Kebebasan beragama; gambaran Malaysia. *KANUN*.

Fox, J. (2015). Religious freedom in theory and practice. *Human Rights Review*, 16(1), 1–22.

Helwa Mohammad Zainal, & Jasri Jamal. (2013). Kedudukan murtad dan penyebaran agama bukan Islam menurut perspektif undang-undang di Malaysia: Satu analisa isu dan cabaran. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, 17–30.

Hidayatul Akmal Ahmad. (2018, November). Tindakan Tegas Sebar Doktrin Syiah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/493181/tindakan-tegas-sebar-doktrin-syiah>

Kamal Azmi Abd Rahman, Norsaleha Mohd Salleh, & Nazneen Ismail. (2018). Kefahaman mahasiswa muslim Lembah Klang tentang konsep hak kebebasan beragama di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(1), 1–23. <https://www.researchgate.net/publication/328839533>

Mohamed Azam Mohamed Adil. (2003). Hak tukar agama dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik antara

kebebasan beragama dan hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 11(1), 23–46.

Nazneen Ismail, Kamal Azmi Abdul Rahman, & Norsaleha Mohd Salleh. (2017). Kefahaman belia muslim terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama dalam Islam: Kajian di institut pengajian tinggi Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 54–67.

Norafiza Jaafar. (2022, March). Muafak mohon keluar Islam bukan sebab masalah duit. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/195464/edisi/muafak-mohon-keluar-islam-bukan-sebab-masalah-duit>

Nur Afifah Mohd Najib, & Ahmad Munawar Ismail. (2018). Persepsi mengenai hak kebebasan beragama dalam kalangan penuntut universiti awam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(3), 68–83. <http://www.bitarajournal.com>

Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Siti Zubaidah Ismail, & Muhamad Zahiri Awang Mat. (2016). Faith and freedom: The qur'anic notion of freedom of religion vs. the act of changing religion and thoughts on the implications for Malaysia. *Religions*, 7(7). <https://doi.org/10.3390/rel7070088>

Soetjipto, Ani W. (ed) (2015). *Hak Asasi Manusia dan Politik Internasional: Sebuah Pengantar* (1st ed.). Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, M Nuri Al-Amin, Afifah Yusoff, Azizan Baharuddin, Faizal Abdul Khir, & Ahmad Tarmizi Talib. (2016). Socio-religious harmony index instrument indicators for Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(2), 29–44. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol11no2.3>

United Nations General Assembly. The Universal Declaration of Human Rights (UDHR). United Nations General Assembly, 1948.

United States Commission on International Religious Freedom. (2017). Annual Report. USCIRF. [https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2017\\_USCIRF\\_AnnualReport.pdf](https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2017_USCIRF_AnnualReport.pdf)

United States Commission on International Religious Freedom. (2018). Annual Report. USCIRF. <https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2018USCIRFAR.pdf>

United States Commission on International Religious Freedom. (2019). Annual Report. USCIRF. <https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2019USCIRFAnnualReport.pdf>

United States Commission on International Religious Freedom. (2020). Annual Report. USCIRF. [https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/USCIRF%2020%20Annual%20Report\\_Final\\_42920.pdf](https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/USCIRF%2020%20Annual%20Report_Final_42920.pdf)

United States Commission on International Religious Freedom. (2021). Annual Report. USCIRF. [https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2021\\_04/2021%20Annual%20Report\\_0.pdf](https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2021_04/2021%20Annual%20Report_0.pdf)

United States Commission on International Religious Freedom. (2022). Annual Report. USCIRF. <https://www.uscirtf.gov/sites/default/files/2022%20Annual%20Report.pdf>

Wan Norhasniah Wan Husin, & Haslina Ibrahim. (2016). Religious freedom, the Malaysian constitution and Islam: A critical analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 217, 1216–1224. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.02.152>